



30 Jun 2022
30 June 2022
P.U. (A) 226

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA (STANDARD TEKNIK) (PINDAAN) 2022

*COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA
(TECHNICAL STANDARDS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(STANDARD TEKNIK) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 158 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) (Pindaan) 2022**.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (3), Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2022.

(3) Perenggan 2(*b*), (*e*) dan (*f*), perenggan 4(*b*), peraturan 12 dan 13 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 [*P.U. (A) 124/2000*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(*a*) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “Badan Penyelaras Taksiran”—

(i) dengan menggantikan perkataan “Penyelaras Taksiran” dengan perkataan “Penilaian Pematuhan”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “badan taksiran” dengan perkataan “badan penilaian”;

(*b*) dengan memotong takrif “bahasa mudah”;

- (c) dalam takrif “kelengkapan komunikasi”, dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan pelanggan” dengan perkataan “, kelengkapan pelanggan atau kelengkapan radiokomunikasi”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “kelengkapan komunikasi” takrif yang berikut:
 - ‘ “kelengkapan radiokomunikasi” ertinya apa-apa kelengkapan yang direka bentuk dan digunakan bagi maksud radiokomunikasi;’;
- (e) dengan memotong takrif “kumpulan kod”;
- (f) dengan memotong takrif “perkataan”; dan
- (g) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “Perkiraan Pengiktirafan Bersama”, dengan menggantikan perkataan “Badan Penyelaras Taksiran” dengan perkataan “Badan Penilaian Pematuhan”.

Pindaan peraturan 7

3. Perenggan 7(6)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “melekatkannya pada” dengan perkataan “menggunakannya pada”.

Pindaan peraturan 8

4. Perenggan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subperenggan (i), (ii), (vii), (xi), (xiv) dan (xv);
- (b) dalam subperenggan (v), dengan menggantikan perkataan “(Kelas A dan Kelas B)” dengan perkataan “(Kelas A, Kelas B dan Kelas C)”;
- (c) dengan memotong subperenggan (xvi);
- (d) dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan (xvi);

- (e) dengan memotong subperenggan (xvii);
- (f) dengan memotong noktah di hujung subperenggan (xvii);
- (g) dalam subperenggan (xii), dengan memasukkan perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan
- (h) dalam subperenggan (xiii), dengan menggantikan koma bernoktah di hujung subperenggan itu dengan noktah.

Pindaan peraturan 16

5. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
 - (i) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
 - (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(d) yang tidak mempunyai tanda atau label pemerakuan.”; dan
- (b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “melakukan suatu kesalahan” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan peraturan 17

6. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “melekatkan suatu” dengan perkataan “menggunakan apa-apa”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “tanda atau label pemerakuan” perkataan “dalam apa-apa bentuk”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “melakukan suatu kesalahan” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan peraturan 20

7. Subperaturan 20(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “kertas” dengan perkataan “dokumen”.

Pindaan peraturan 21

8. Subperaturan 21(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “kertas” dengan perkataan “dokumen”.

Pindaan peraturan 25A

9. Peraturan 25A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Badan Penyelaras Taksiran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Badan Penilaian Pematuhan”.

Pindaan peraturan 33

10. Perenggan 33(1)(d) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Badan Penyelaras Taksiran” dengan perkataan “Badan Penilaian Pematuhan”.

Pindaan Jadual Kedua

11. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas butiran A butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>KATEGORI</i>	<i>SET UJIAN</i>	
“AA. Keselamatan Frekuensi Radio	Kadar Penyerapan yang Spesifik	—”

; dan

- (b) dalam butiran C, dalam ruang pertama *SET UJIAN* dengan memasukkan selepas butir-butir “9. Aksesori bagi apa-apa yang di atas” butir-butir yang berikut:

<i>KATEGORI</i>	<i>SET UJIAN</i>	
C. Kesalingbolehkendalian Rangkaian	“10. Lain-lain	—”

Pindaan Jadual Ketiga

12. Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong kepala PERAKUAN RADIO ELEKTRONIK KELAS PERTAMA dan butir-butir yang berhubungan dengannya;
- (b) dengan memotong kepala PERAKUAN RADIO ELEKTRONIK KELAS KEDUA dan butir-butir yang berhubungan dengannya;
- (c) berhubung dengan kepala PERAKUAN PENGENDALI RADIO AMATUR—
- (i) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:

“1. Bagi melayakkan suatu perakuan pengendali radio amatir, seseorang calon hendaklah lulus peperiksaan bertulis mengenai perkara yang berikut mengikut kelas perakuan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2:

(a) konsep asas mengenai teori radio, teori elektromagnetik, antena, perambatan radio, pemasangan radio dan keselamatan radio;

(b) teori asas mengenai—

(i) elektrik;

(ii) elektronik dan radiokomunikasi termasuk transistor, perintang, kapasitor, penerus, suis, fius dan peranti keadaan pepejal;

(iii) penerima dan pemancar;

(iv) antena dan perambatan radio;

(v) gangguan; dan

(vi) pengukuran dan kuasa;

(c) pengetahuan yang terperinci mengenai—

(i) perambatan gelombang radio;

(ii) amalan amatir;

(iii) prinsip elektrik;

- (iv) komponen litar;
 - (v) litar praktikal;
 - (vi) isyarat dan emisi;
 - (vii) talian antena dan transmisi; dan
 - (viii) keselamatan;
- (d) penubuhan dan pengendalian stesen yang melaksanakan perkhidmatan eksperimen amatur di bawah mana-mana peraturan-peraturan di bawah Akta;
- (e) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Radio Telekomunikasi Antarabangsa yang terpakai bagi pengendalian stesen termasuk pengendalian stesen yang melaksanakan perkhidmatan eksperimen amatur.”; dan
- (ii) dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“2. Seseorang calon bagi pengendali radio amatur hendaklah memenuhi kehendak yang berikut:

(1) Kelas Perakuan	(2) Kelayakan
1. Kelas A	(a) pemegang perakuan pengendali radio amatur Kelas B;

(1) Kelas Perakuan	(2) Kelayakan
	<p><i>(b)</i> pemegang penguntukan radas bagi stesen radio amatir (Kelas B) yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000 [P.U. (A) 128/2000] sekurang-kurangnya satu tahun; dan</p> <p><i>(c)</i> lulus peperiksaan yang berhubungan dengan perkara yang dinyatakan dalam subperenggan 1<i>(c)</i>, <i>(d)</i> dan <i>(e)</i></p>
2. Kelas B	<p><i>(a)</i> pemegang perakuan pengendali radio amatir Kelas C; dan</p> <p><i>(b)</i> lulus peperiksaan yang berhubungan dengan perkara yang dinyatakan dalam subperenggan 1<i>(b)</i>, <i>(d)</i> dan <i>(e)</i></p>
3. Kelas C	lulus peperiksaan yang berhubungan dengan perkara yang dinyatakan dalam subperenggan 1 <i>(a)</i> , <i>(d)</i> dan <i>(e)</i> .

Pindaan Jadual Keempat

13. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memotong butiran Perakuan Radio Elektronik Kelas Pertama;

(b) dengan memotong butiran Perakuan Radio Elektronik Kelas Kedua; dan

- (c) dalam butiran Perakuan Pengendali Radio Amatur (Kelas A dan Kelas B), dengan menggantikan perkataan “(Kelas A dan Kelas B)” dengan perkataan “(Kelas A, Kelas B dan Kelas C)”.

Pindaan Jadual Kelima

14. Jadual Kelima kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam butiran 1, dengan memotong perenggan (b);
- (b) dalam butiran 2, dengan memotong perenggan (b); dan
- (c) dalam butiran 3, dengan memotong perenggan (a), (b) dan (c).

Kecualian

15. (1) Mana-mana permohonan yang dibuat atau prosiding yang dimulakan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan belum selesai di bawah Peraturan-Peraturan ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diteruskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa perakuan, tanda atau label yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disifatkan telah dikeluarkan atau diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ibu dan hendaklah terus sah sehingga dibatalkan atau sehingga tarikh habis tempohnya.

Dibuat 28 Jun 2022

[KKMM.600-1/4/6 JLD 2 (5); PN(PU2)601/Jld. 12]

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
Menteri Komunikasi dan Multimedia

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998
COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (TECHNICAL STANDARDS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by sections 16 and 158 of the Communications and Multimedia Act 1998 [*Act 588*], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Communications and Multimedia (Technical Standards) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) Except as provided under subregulation (3), these Regulations come into operation on 1 July 2022.

(3) Paragraphs 2(*b*), (*e*) and (*f*), paragraph 4(*b*), regulations 12 and 13 come into operation on 1 January 2023.

Amendment of regulation 2

2. The Communications and Multimedia (Technical Standards) Regulations 2000 [*P.U. (A) 124/2000*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(*a*) in the national language text, in the definition of “Badan Penyelaras Taksiran”—

(i) by substituting for the words “Penyelaras Taksiran” the words “Penilaian Pematuhan”; and

(ii) by substituting for the words “badan taksiran” the words “badan penilaian”;

(*b*) by deleting the definition of “plain language”;

- (c) in the definition of “communications equipment”, by substituting for the words “or customer equipment” the words “, customer equipment or radiocommunications equipment”;
- (d) by inserting after the definition of “radiocommunications” the following definition:
 - ‘ “radiocommunications equipment” means any equipment which is designed and used for the purpose of radiocommunications;’;
- (e) by deleting the definition of “code group”;
- (f) by deleting the definition of “word”; and
- (g) in the national language text, in the definition of “Perkiraan Pengiktirafan Bersama”, by substituting for the words “Badan Penyelaras Taksiran” the words “Badan Penilaian Pematuhan”.

Amendment of regulation 7

- 3. Paragraph 7(6)(b) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “affixing it to” the words “using it on”.

Amendment of regulation 8

- 4. Paragraph 8(1)(b) of the principal Regulations is amended—
 - (a) by deleting subparagraphs (i), (ii), (vii), (xi), (xiv) and (xv);
 - (b) in subparagraph (v), by substituting for the words “(Class A and Class B)” the words “(Class A, Class B and Class C)”;
 - (c) by deleting subparagraph (xvi);
 - (d) by deleting the word “or” at the end of subparagraph (xvi);

- (e)* by deleting subparagraph (xvii);
- (f)* by deleting the full stop at the end of subparagraph (xvii);
- (g)* in subparagraph (xii), by inserting the word “or” at the end of the subparagraph; and
- (h)* in subparagraph (xiii), by substituting for the semicolon at the end of the subparagraph a full stop.

Amendment of regulation 16

5. Regulation 16 of the principal Regulations is amended—

- (a)* in subregulation (1)—
 - (i)* in paragraph *(b)*, by deleting the word “or” at the end of the paragraph;
 - (ii)* in paragraph *(c)*, by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “; or”; and
 - (iii)* by inserting after paragraph *(c)* the following paragraph:
 - “(d)* which does not bear a certification mark or label.”; and
- (b)* in subregulation (3), by inserting after the words “commits an offence” the words “and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term of not exceeding three years or to both”.

Amendment of regulation 17

6. Regulation 17 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by substituting for the words “affix a” the words “use any”; and

(ii) by inserting after the words “certification mark or label” the words “in any form”; and

(b) in subregulation (2), by inserting after the words “commits an offence” the words “and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term of not exceeding three years or to both”.

Amendment of regulation 20

7. Subregulation 20(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “paper” the word “document”.

Amendment of regulation 21

8. Subregulation 21(3) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “paper” the word “document”.

Amendment of regulation 25A

9. Regulation 25A of the principal Regulations is amended in the national language text, by substituting for the words “Badan Penyelaras Taksiran” wherever appearing the words “Badan Penilaian Pematuhan”.

Amendment of regulation 33

10. Paragraph 33(1)(d) of the principal Regulations is amended in the national language text, by substituting for the words “Badan Penyelaras Taksiran” the words “Badan Penilaian Pematuhan”.

Amendment of Second Schedule

11. The Second Schedule to the principal Regulations is amended—

(a) by inserting after item A the following item and particulars:

<i>CATEGORIES</i>	<i>TEST SUITES</i>	
“AA. Radio Frequency Safety	Specific Absorption Rate	—”

; and

(b) in item C, in the first column of *TEST SUITES* by inserting after particulars “9. Accessories for any of the above” the following particulars:

<i>CATEGORIES</i>	<i>TEST SUITES</i>	
C. Network Interoperability	“10. Others	—”

Amendment of Third Schedule

12. The Third Schedule to the principal Regulations is amended—

(a) by deleting heading FIRST CLASS RADIO ELECTRONIC CERTIFICATE and the particulars relating to it;

(b) by deleting heading SECOND CLASS RADIO ELECTRONIC CERTIFICATE and the particulars relating to it;

(c) in relation to heading AMATEUR RADIO OPERATOR'S CERTIFICATE—

(i) by substituting for paragraph 1 the following paragraph:

“1. In order to qualify for an amateur radio operator’s certificate, a candidate shall pass a written examination on the following matters in accordance with class of certificates specified in paragraph 2:

- (a) the basic concepts of radio theory, electromagnetic theory, antenna, radio propagation, radio setup and radio safety;

- (b) the fundamental theories of—
 - (i) electricity;

 - (ii) electronics and radiocommunications including transistor, resistor, capacitor, rectifier, switch, fuse and solid state devices;

 - (iii) receiver and transmitter;

 - (iv) antenna and radio propagation;

 - (v) interference; and

 - (vi) measurement and power;

- (c) the advanced knowledge of—
 - (i) radio wave propagation;

 - (ii) amateur practice;

 - (iii) electrical principles;

 - (iv) circuit components;

 - (v) practical circuits;

 - (vi) signals and emissions;

(vii) antenna and transmission lines; and

(viii) safety;

(d) the establishment and operation of a station performing an amateur experimental service under any regulations of the Act;

(e) the International Telecommunication Union Radio Regulations applicable to the operation of a station including the operation of a station performing an amateur experimental service.”; and

(ii) by substituting for paragraph 2 the following paragraph:

“2. A candidate for an amateur radio operator shall fulfil the following requirements:

(1) Class of Certificate	(2) Qualification
1. Class A	<p>(a) holder of a Class B amateur radio operator’s certificate;</p> <p>(b) holder of an apparatus assignment for an amateur radio station (Class B) issued under the Communications and Multimedia (Spectrum) Regulations 2000 [P.U. (A) 128/2000] for at least one year; and</p>

(1) Class of Certificate	(2) Qualification
	<i>(c)</i> pass examination relating to matters specified in subparagraphs 1(<i>c</i>), (<i>d</i>) and (<i>e</i>)
2. Class B	<i>(a)</i> holder of a Class C amateur radio operator's certificate; and <i>(b)</i> pass examination relating to matters specified in subparagraphs 1(<i>b</i>), (<i>d</i>) and (<i>e</i>)
3. Class C	pass examination relating to matters specified in subparagraphs 1(<i>a</i>), (<i>d</i>) and (<i>e</i>) ”.

Amendment of Fourth Schedule

13. The Fourth Schedule to the principal Regulations is amended—

- (a)* by deleting item First Class Radio Electronic Certificate;
- (b)* by deleting item Second Class Radio Electronic Certificate; and
- (c)* in item Amateur Radio Operator's Certificate (Class A and Class B), by substituting for the words “(Class A and Class B)” the words “(Class A, Class B and Class C)”.

Amendment of Fifth Schedule

14. The Fifth Schedule to the principal Regulations is amended—

- (a)* in item 1, by deleting paragraph *(b)*;

(b) in item 2, by deleting paragraph (b); and

(c) in item 3, by deleting paragraphs (a), (b) and (c).

Saving

15. (1) Any application made or proceedings instituted immediately before the date of coming into operation of these Regulations and pending under the principal Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be continued under the principal Regulations as if the principal Regulations had not been amended by these Regulations.

(2) Any certificate, mark or label issued or approval granted under the principal Regulations immediately before the date of coming into operation of these Regulations shall, on the date of the coming into operation of these Regulations, be deemed to have been issued or granted under the principal Regulations and shall continue to be valid until revoked or until the date of its expiry.

Made 28 June 2022

[KKMM.600-1/4/6 JLD 2 (5); PN(PU2)601/Jld. 12]

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
Minister of Communications and Multimedia